

## GELIGA HIKMAH

-----\*-----

Al-Imam Syamsudin bin Al-Qayim di dalam kitabnya "A'lam Al-Muwaqiin" (16:1) menulis :

Malik bin Yakhmar salah seorang murid bagi sahabat

Nabi – Muadz bin Jabal berkata :

Tatkala Muadz hampir wafat saya menangis, ia pun bertanya:

- Mengapa menangis?

Jawab saya: Demi Allah bukanlah saya tangisi akan suatu faedah dunia yang pernah saya dapati daripada tuan, tetapi saya tangiskan ilmu dan iman yang sentiasa saya memperlajarinya daripada tuan.

Jawab Muadz: Sungguhnya ilmu dan iman itu ada di tempatnya masing-masing, barangsiapa mencari kedua-duanya akan mendapatnya.

---

### Demokrasi

Tatkala sempurna perjanjian perdamaian di antara Abu Ubaidah Ibnu Al Jarrah Panglima Tentera Islam di negeri Syam dengan Panglima tentera Rom maka orang-orang pun membawakan makanan yang beraneka warna dan lazat-lazat kepadanya.

"Adakah kamu telah memberi makan kepada tentera kita dengan makanan yang serupa ini? Tanya Abu Ubaidah kepada orang-orangnya.

"Kami tidak ada persediaan" jawab mereka.

"Kalau begitu kita tidak berhajat kepada makanan-makanan lazat yang diuntukkan kerana kita sahaja. Akan menjadi sejahat-jahat orang kiranya Abu Ubaidah pemimpin tentera yang telah bersusah payah meninggalkan negeri mereka dan telah menumpahkan darah atau tidak menumpahnya, lalu kita hendak melebihkan diri pula dengan makanan-makanan yang istimewa daripada yang didapati mereka. Tidak! Demi Allah, tidak kita akan makan melainkan apa yang mereka makan."

Mantiq orang yang beriman

Nabi Yusuf Alaihissalam telah ditanya : Mengapa Nabi Allah menderita kelaparan pada hal Nabi Allah pemegang anak kunci perbandaharaan Mesir?

Maka jawabnya : "Aku takut apabila aku menjadi kenyang akan melupai orang-orang yang lapar!"

---

### Neraca

Damai sesungguhnya Tuhan akan meneguhkan perdirian kerajaan yang adil walaupun kerajaan itu kerajaan kafir, dan akan meruntuhkan kerajaan yang zalim walaupun kerajaan itu kerajaan Islam.

-Ibnu Taimiyah.

---

## AMERIKA

Amerika ialah nama sebuah buku karangan Stephen Vincent Benet yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu dengan kulitnya yang indah dan cantik. Teballya 180 muka. Buku ini dikeluarkan oleh USIS (United State Information Service) di Singapura.

Kandungannya adalah meriwayatkan bagaimana mulanya berdiri negara Amerika lalu kepadanya hingga hari ini di dalam mana Amerika telah menjadi tumpuan siasah dunia sekarang. Buku ini diberi percuma sahaja kepada sesiapa yang meminta dengan menghantar setem sebanyak 12 sen kepada bahagian Melayu, USIS Raffles Place Singapura.

Sesungguhnya buku yang serupa ini tidak mesti diberi percuma jika mengingat kepada pengetahuan-pengetahuan yang berupa sejarah yang diriwayatkan dengan cara yang menarik. Buku ini patut benar ditatap dan disimpan oleh orang kita dijadikan cermin bagaimana hidupnya sebuah negara yang keadaan sekarang telah menjadi kaya raya.

Atas hadiah itu diucapkan berbanyak-banyak terima kasih.